



IKLAN JAWATAN KOSONG

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang berkaitan untuk mengisi Jawatan Staf Pentadbiran (**Tetap**) di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu**.

PENTING :

1. Pemohon mestilah mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di UiTM Cawangan Terengganu dan mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Terengganu.
2. Hanya pemohon yang layak disenarai pendek akan dipanggil untuk ke sesi temu duga.
3. Pemohon yang tidak menerima jawapan dari pihak Universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Terengganu dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan.



<https://terengganu.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder/?view=page&id=498>

- (b) Pemohon dikehendaki mendaftar akaun dan membeli nombor pin melalui Sistem Pengambilan UiTMCNS di pautan <https://pengambilancns.uitm.edu.my/login> dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu (1) jawatan yang dimohon.
- (c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **19 OKTOBER 2025 (AHAD) JAM 11.59 MALAM**.
- (d) Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan, boleh hubungi:

| Bil. | Kategori Permohonan | No. Telefon/Whatsapp Business |
|------|---------------------|-------------------------------|
| 1. | Jawatan Pentadbiran | 09-8400 129 |

Bil. Rujukan : 500-UiTMKD(PT.19/2)
 Bil. Iklan : 3/2025
 Tarikh Iklan : 05 Oktober 2025 (Ahad)

JAWATAN PENTADBIRAN

| KUMPULAN PELAKSANA | | | | | |
|---------------------------|--------------------|-------------|--------------------------|--------------------|-----------------|
| BIL. | JAWATAN | GRED | SKIM PERKHIDMATAN | JADUAL GAJI | |
| | | | | MINIMUM | MAKSIMUM |
| 1. | Pembantu Kemahiran | H1 | Pembantu Kemahiran | RM 1,500.00 | RM 4,680.00 |

PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H1
BIDANG: MEKANIKAL

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tunggal yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,622.00); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kekompetenan Pendawai Fasa Tiga yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred H1: RM1,622.00).

SYARAT KELAYAKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

2. (a) (i) Bagi SPM tahun 2013 ke atas : lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu dan Sejarah, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan seperti di perenggan 3.
- (ii) Bagi SPM tahun 2012 ke bawah : lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan atau dikumpulkan dalam dua (2) peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut dan memenuhi syarat Bahasa Melayu sama ada Kepujian atau Lulus (mana yang berkenaan) dan mata pelajaran tertentu seperti mana disyaratkan dalam skim pekhidmatan seperti di perenggan 3.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEPERLUAN TAMBAHAN

4. (a) Hanya calon yang telah memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM) / Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf dan disahkan oleh senat / jawatankuasa berkaitan pada atau sebelum tarikh tutup iklan sahaja layak memohon selaras dengan syarat skim perkhidmatan.
- (b) Keutamaan kepada calon-calon yang memperoleh Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam kursus:
 - (i) Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (Teknologi Kimpalan/Teknologi Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara).
- (c) Keutamaan kepada calon-calon yang memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dalam bidang berkaitan yang diperakukan bersesuaian mengikut skim perkhidmatan di Laman Web EZSkim (pautan: <https://www.interactive.jpa.gov.my/ezskim/>).